
Title	Perihal adat melangkah bendul
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1997 Muhammad Ariff bin Ahmad

perihal ADAT MELANGKAH BENDUL

Lama sudah tidak kita dengar kisah tentang *adat melangkah bendul* itu, tiba-tiba pada minggu lepas kita dengar ada orang berbincang mengenai adat yang sudah lama ditinggalkan itu. Sekonyong-konyong tergerak pula rasa hati hendak *tumpang sekaki* membincangkannya, berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada orang tua-tua [bukan orang-orang tua].

SAH bahawa adat *melangkah bendul* itu bukan daripada ajaran Islam - bukan *perintah* walaupun tidak tertegah [selagi ia tidak membazir, tidak mudarat dan bukan khurafat]. *Melangkah bendul* diamalkan "orang Melayu lama" sebagai adat kerana muslihat yang relevan dengan keadaan pada zamannya.

Orang Melayu lama diajarkan pepatah petiti supaya *membaca dari alif, membilang dari sa (satu)*. Yakni, walau betapa pun halnya, pekerjaan yang digarap haruslah dimulakan dari mula menurut tertib - *bertangga naik, berjanjang* [bukan '*berjenjang*'] *turun*; yang dahulu didahulukan dan yang kemudian dikemudiankan.

Demikian dilakukan orang Melayu lama.

Apabila hendak menikahkan anak perempuannya, *yang tua* dinikahkan dahulu. Kemudian, pada tahun-tahun berikutnya baru bergilir-gilir dikahwinkan adik-adik perempuan anaknya itu. Tidak ada orang Melayu lama yang menikahkan dua orang anak perempuannya dalam setahun.

Memang, *jodoh pertemuan di tangan Tuhan*.

Namun, pada zaman dahulu, ibu bapa yang mengaturkan jodoh anak-anaknya. Anak perempuan dipingit apakala berumur 12/13 tahun; umur 14/15 sudah jadi anak dara penuh. Meningkat umur 17/18 tahun sudah jadi *andartu* (anak dara tua). Pada masa itu orang Melayu belum tahu ungkapan *sweet seventeen!*

Anak dara sudah dikahwinkan pada umur 14/15 tahun; jika tidak mereka akan bergelar *andartu*. Ibu bapa sangat bimbang dan berasa malu "menyimpan" *andartu*. Akan anak teruna pula dikahwinkan ibu bapanya pada umur 18 - 20 tahun; Tidak beristeri pada umur lebih dari itu, mereka akan digelar *jaka kawak*.

Tanggung jawab ibu bapa, yang disebut adat sebagai "*hutang ibu bapa kepada anaknya*" ialah empat perkara - *makan minum, pakai patut, khatam quran dan ilmu mengurus anak laki* [bagi yang perempuan]; *mampu memelihara anak bini* [bagi yang lelaki]. Period hutangnya kepada yang lelaki *sampai bergaji*; dan kepada yang perempuan *sampai berlaki*.

Adat *semenda* orang Melayu ialah pihak lelaki yang mencari, memilih dan melamar calon isteri. Pihak perempuan hanya menunggu, jika yang datang didapati sesuai mereka akan setuju. Jika keadaan sebaliknya berlaku, mereka akan dicemuh dengan perumpamaan *perigi mencari timba..* atau *lesung mencari alu*.

Jika anak dara yang dilamar itu punya kakak yang belum bersuami atau belum bertunang maka timbullah dilema ibu bapanya sama ada hendak diterima atau tidak lamaran sang teruna itu. Hendak diterima lamaran itu takut akan terlanggar ajaran *bertangga naik berjanjang turun*; hendak ditolak pinangan itu bimbang pula kalau-kalau anak-anak daranya akan terlanjur menjadi *andartu*.

Untuk menguraikan dilema itu, maka *Adat Melangkah Bendul* diwujudkan dengan muafakat orang tua-tua Melayu lama. Dengan cara yang teliti - dengan cara bersembunyi tetapi dimengerti - *Adat Melangkah Bendul* itu dilaksanakan.

Dalam keadaan yang sopan lagi simbolik, kakak yang belum bersuami atau bertunang itu "*didedahkan*" kepada khalayak, sebagai diplomasi memancing peminat yang mungkin *terbuka hatinya* hendak melamarnya apakala ternampakkan wajah *gadis pingitan* tersebut.

Upacara *Melangkah Bendul* itu dilaksanakan pada hari persandingan adiknya. Dengan pakaian yang bagus *Si Kakak* diberdirikan di atas talam di anak tangga sulung. Pengantin lelaki (suami adiknya) disuruh membasuhkan (menyiram) kaki *si kakak* dan menghadiahi *si kakak* sepersalinan pakaian. Kemudian *si kakak* akan memimpin pengantin ke isterinya lalu dibawa ke persandingan.

Peristiwa simbolik yang berlaku hanya kira-kira 3/5 minit itu sudah memada, untuk memikat "*konsumer*" yang berminat (jika ada). Mudah-mudahan, setelah menyaksikan upacara itu, tidak lama kemudian, *si kakak* akan dilamar orang dan terselamat ia daripada menjadi *andartu*.

Adat Melangkah Bendul tidak berlaku bagi abang-abang perempuan yang dinikahkan, kerana *si abang* adalah lelaki. Orang lelaki bukan pihak yang dilamar atau penerima; tetapi dia adalah pihak yang melamar dan yang harus memberi. Kalau hendak ditunggu hingga abangnya berkahwin [pada umur 18/20 tahun] nescaya banyakkah anak-anak dara yang menjadi *andartu*.

Adapun pemberian *Melangkah Bendul* itu **bukanlah pampasan**; bukan juga **gantirugi**. Sebab itu yang dijadikan *pelangkah bendul* ialah sepersalinan pakaian yang merupakan cenderahati sebagai tanda terima kasih kerana *si kakak* merelakan adiknya melangkahi gilirannya untuk bersuami. Dan, upacara simbolik itu memberi isyarat bahawa pengantin perempuan masih ada kakak yang anak dara.

Pada zaman kini, kalau pun masih ada orang mengamalkan *adat melangkah bendul itu*, hanyalah merupakan ikut-ikutan sahaja; tanpa sebarang pengetahuan yang kukuh tentang objektif dan signifikan adat tersebut; malah kebanyakannya tidak pula mengetahui rasionalnya mengapa adat itu diamalkan orang.

Upacara pendedahan yang *dilangkahi* tidak lagi dilakukan.

Cenderahati yang bernilai moral sudah ditukar dengan sejumlah wang yang disetujui; seolah-olah *langkah bendul* itu merupakan **dam** bagi seseorang yang *menyalahi syarat/wajib* ibadat. Dan, bukan kakak sahaja, bahkan abang pun ada yang menerima *habuan langkah bendul* itu. Amalan begini bukanlah objektif sebenarnya, yang hendak dicapai *adat melangkah bendul* yang asal.

Bagaimanapun, perubahan keadaan hidup orang Melayu sekarang telah menjadikan *adat melangkah bendul* itu ***tidak perlu*** dan ***tidak praktikal*** diamalkan sekarang kerana objektif yang hendak dicapai adat itu tidak relevan lagi.

Sistem mengaturkan jodoh sekarang, bukan lagi oleh ibu bapanya, tetapi oleh diri yang hendak kahwin itu sendiri. Maka tidaklah lagi timbul masalah siapa kahwin dahulu siapa yang kemudian. Peranan ibu bapa hanya sebagai ketua majlis dan pengatur upacara perkahwinan anak-anak mereka.

Anak-anak sekarang, menamatkan sekolah peringkat A pada umur 18 tahun [bagi pelajar aliran E] atau 22 tahun [bagi pelajar aliran N]. Jika mereka masuk universiti, mereka baru akan tamat kajiannya pada umur 22-26 tahun. Rata-rata gadis Melayu sekarang berkahwin dalam umur lebih dari 20 tahun. Umur *andartu* yang lama ***tidak valid*** lagi.

Gadis Melayu sekarang tidak lagi termomok oleh keadaan *andartu*. Mereka tidak tersinggung hati dan tidak terasa terhina walaupun mereka dipanggil *andarus* (*confirmed spinster*). Mentelah pula, sesetengah mereka itu lebih bertumpu dan mengutamakan kerjayanya sehingga seolah-olah *tak kisah* akan tuntutan *semenda*.

AMLA (Akta Pertadbiran Undang-undang Islam) Singapura menetapkan menerusi seksyen 96 (4) : ***No marriage shall be solemnized under this Act if at the date of the marriage either party is under 16 years: Provided that a Kadi may in special circumstances solemnize the marriage of a girl who is under the age of 16 years but has attained the age of puberty.***

Ketetapan itu tegas bahawa kecuali dalam keadaan yang istimewa, dengan syarat anak dara itu sudah baligh, maka boleh kadhi menikahkan gadis yang berumur di bawah 16 tahun [minimum umur *andartu* lama]. Ini bermakna ketetapan itu tidak menggalakkan perkahwinan *pra-andartu* yang dilakukan orang Melayu lama..

Menyesuaikan dengan keadaan, kekata *andartu* elok pula dipinda menjadi *andartang* (*anak dara yang cukup matang*). Dengan memperkenalkan perkahwinan pada umur *andartang*, sistem kekeluargaan Melayu akan lebih mantap tanpa *adat melangkah bendul* yang sudah sampai masanya kita simpan dalam "museum adat" di *Taman Warisan* sebagai sesuatu yang pernah membantu masyarakat dahulu menyelesaikan masalah *andartu*.

Wallahu a'lam..

AA